

# Aktiviti Belajar Bahasa Ibunda di Rumah 1



Ibu bapa yang dihormati

Anda boleh menyokong pembelajaran dan pembangunan bahasa Ibunda anak anda di rumah dengan aktiviti-aktiviti saranan yang berikut. Aktiviti-aktiviti ini dapat melibatkan anak anda melalui bermain dan meneroka. Selain memupuk interaksi yang berkualiti dengan anak anda, aktiviti-aktiviti ini juga dapat membantu ahli keluarga mengeratkan hubungan.

## Apakah yang boleh anda lakukan bersama anak anda?

### Aktiviti Bersama Keluarga

Objektif aktiviti ini adalah untuk meminta anak anda mengingat semula aktiviti yang pernah dilakukan bersama keluarga. Anda memerlukan sekeping kertas, alat tulis dan juga anak patung kertas ahli keluarga yang sudah siap digunting. Contohnya, anda boleh membantu anak anda melukis gambar di pantai dan mewarnakan latar gambar tersebut. Kemudian, galakkan anak anda meletakkan boneka ahli keluarga pada latar tersebut. Selepas itu, anak anda boleh menceritakan pengalamannya dengan menyatakan perasaannya semasa berada di situ. Dia juga boleh menyatakan aktiviti yang dilakukan oleh ahli keluarga ketika bersamanya. Galakkan anak anda menggunakan kata panggilan yang sesuai bagi anggota keluarga anda (Contoh: bapa, ibu, abang, kakak, nenek atau datuk).

Anda boleh bertanyakan soalan-soalan rangsangan untuk membantu perkongsiannya. Aktiviti ini dapat diulangi dengan menggunakan boneka ahli keluarga yang sama untuk latar yang berbeza.

### Mari Menyanyi

Nyanyikan lagu “Kebersihan” ini bersama-sama anak anda dengan menggunakan melodi “*Twinkle, twinkle Little Star*” ketika mereka mencuci tangan.

#### Kebersihan

Jaga kebersihan diri	Jaga kebersihan diri
Jaga kebersihan diri	Jaga kebersihan diri
Sebelum kita makan	Selepas kita makan
Kita harus cuci tangan	Kita harus cuci tangan
Jika lupa cuci tangan	Jika lupa cuci tangan
Kuman pun tidak hilang	Kuman pun tidak hilang

Anda boleh menggayakan lirik lagu sambil menyanyikan lagu ini.

### Cuba Teka

Permainan ‘Cuba Teka’ amat mudah kerana anda hanya memerlukan kertas dan pena. Tulis beberapa rutin menjaga kebersihan diri seperti ‘membersihkan gigi’, ‘mencuci tangan’, ‘menyikat rambut’ dan sebagainya pada cebisan kertas. Lipat cebisan-cebisan kertas tersebut dan masukkan ke dalam sebuah bekas. Jemput ahli keluarga untuk bermain bersama.

Setiap ahli keluarga akan mengambil giliran untuk memilih satu cebisan kertas dan membuat aksi rutin yang tertulis tanpa menunjukkan tulisan tersebut kepada ahli keluarga yang lain. Setelah aksi itu dilakukan, ahli keluarga yang lain harus meneka rutin yang dilakukan.

Bagi menambah kosa kata, anda boleh bertanyakan soalan seperti, “Apakah yang kamu gunakan untuk menggosok gigi?” berdasarkan aksi yang dilakukan.

### Membaca dan Berbual

Bahagian 1: Ajak anak anda memilih sebuah buku yang diminatinya. Galakkan anak anda melihat kulit buku dan tanyakan soalan-soalan berikut:

- Mengapakah kamu memilih buku ini?
- Cuba kamu teka cerita ini tentang apa?
- Siapakah watak yang kamu suka? Mengapa?

Bahagian 2: Baca buku itu bersama-sama anak anda. Kemudian, tanyakan soalan-soalan berikut:

- Adakah kamu suka akan cerita ini? Bahagian manakah yang kamu suka?
- Adakah kamu akan lakukan perkara yang sama seperti watak dalam cerita ini?
- Adakah kamu suka akan kesudahan cerita ini? Apakah yang membuat kamu suka/tidak suka?

**Berseronoklah bersama anak anda!**